

ABSTRAK

Kajian ini yang berjudul “Kesan Pengajaran Berfokuskan Tatacerita Terhadap Pemahaman Pembaca Mahir Dan Kurang Mahir” bertujuan untuk melihat kesan pengajaran berfokuskan tatacerita terhadap kebolehan pelajar-pelajar Tingkatan 4 memahami teks prosa klasik. Kajian ini turut membuat perbandingan dari segi kuantiti maklumat yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan pembaca; pembaca mahir dan kurang mahir.

Subjek dalam kajian ini terdiri daripada 44 orang pelajar Tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Choh, Rawang, Selangor Darul Ehsan. Daripada 44 orang pelajar yang dijadikan subjek kajian, 22 orang pelajar adalah dalam kumpulan pembaca mahir, sementara 22 orang pelajar lagi adalah dalam kumpulan pembaca kurang mahir.

Kajian ini menggunakan &a buah teks prosa klasik sebagai instrumen. Hikayat Siti Zubaidah digunakan semasa Ujian Pra clan Rawatan. Sementara Hikayat Malim Deman digunakan semasa Ujian Pos. Selain itu, ringkasan cerita setiap subjek dianalisis untuk pengumpulan data.

Dapatan Kajian memperlihatkan bahawa kumpulan pembaca mahir mengingat semula cerita lebih banyak aspek-aspek cerita daripada kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca mahir juga memperoleh pencapaian yang tinggi dalam mengingat semula unit tatacerita dan episod.

Pada bahagian kesimpulan, beberapa cadangan diiuat kepada mereka yang ingin membantu meningkatkan pemahaman pelajar dalam memahami teks naratif.

THE EFFECTS OF STORY GRAMMAR ON THE ABILITY OF SKILL AND UNSKILL READERS TO COMPREHEND

ABSTRACT

This study was conducted in order to ascertain the effect of teaching story grammar on the ability of Form 4 students to comprehend classical prose. This study also did a comparison of the quantity of recall between two group of readers; efficient readers and the less efficient readers.

Sample in this study consist of 44 students of Form 4 from SMK. Sg. Choh, Rawang, Selangor Darul Ehsan. From the 44 students, 22 students in the efficient group readers, whereas the other 22 students were in the less efficient group.

This study used classical prose as it's instrument. Hikayat Siti Zubaidah was used during pre test and treatment, whereas Hikayat Malaim Deman was used during post test. Besides that, a summary of the story from each subject was analyzed fii data collection.

Result from the study showed that efficient groups readers recall more story than less efficient group readers. The efficient group readers also scored higher in recall story grammar's unit and episode.

In conclusion, some suggestion have been made to those who wish to help students decode narrative texts.